

NUBE sokong cuti bersalin lima tahun

KUALA LUMPUR, 9 Sept - Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (NUBE) menyokong langkah kerajaan untuk membenarkan kakitangan wanita sektor awam mengambil cuti menjaga anak hingga had maksimum lima tahun.

Setiausaha Agung NUBE, J. Solomon berkata, pemberian kenaikan berisyarat tiga kali selepas mereka mengambil keputusan kembali bekerja juga perlu disambut baik.

Ketika ini kakitangan wanita sektor awam diberi cuti bersalin bergaji penuh selama 60 hari yang boleh diambil maksimum lima kali sepanjang tempoh perkhidmatan, manakala cuti menjaga anak tanpa gaji sehingga 90 hari.

"Kajian menunjukkan bahawa lima tahun pertama dalam peringkat pembesaran kanak-kanak adalah penting.

"Mereka kini menghadapi dilema untuk membesarkan anak-anak di samping bekerja untuk menambah pendapatan keluarga," katanya di sini hari ini.